

Najib Puji Usaha NUCC Berhubung Perpaduan Nasional
Bernama
Mei 20, 2014

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak memuji Majlis Perundingan Perpaduan Nasional (NUCC) kerana menyokong usaha beliau dalam usaha perpaduan nasional.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada NUCC kerana menerima usaha saya untuk perpaduan nasional. Ini adalah usaha yang terpuji selaras dengan semangat 1Malaysia," kata Najib dalam akaun Twitternya.

Dilancarkan pada 25 Nov 2013, NUCC diberi mandat menyediakan pelan tindakan nasional untuk perpaduan nasional dan kepaduan sosial.

Majlis yang dianggotai 30 anggota itu dipengerusikan Tan Sri Samsudin Osman.

Semalam, timbalan pengerusi NUCC Tan Sri Lee Lam Thye berkata setakat ini majlis itu telah mengadakan 18 sesi dialog perpaduan di seluruh negara.

Sebuah akhbar harian berbahasa Inggeris memetik beliau sebagai berkata 5,530 orang menyertai sesi itu dengan 1,159 orang memberikan ulasan bertulis melalui borang soal selidik yang diedarkan.

Laporan awal berdasarkan hasil dialog perpaduan dan laporan status kemajuan yang dicapai ke arah pembentukan pelan tindakan perpaduan nasional akan dibentangkan oleh NUCC kepada Perdana Menteri menjelang Julai ini, menurut artikel itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1039616>